

11 AUG 1999

Khalil-Wanita

ZAHARAH SETUJU ADAKAN MESYUARAT WANITA UMNO SELASA DEPAN

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno telah menetapkan Selasa depan untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasanya bagi membincangkan pelbagai perkara berhubung pergerakan itu.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata tarikh berkenaan telah ditetapkan sendiri oleh ketuanya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Ini satu perkembangan yang baik dan diharap semua pihak dapat menumpukan masa untuk persiapan pilihan raya," katanya kepada Bernama dan RTM di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata mesyuarat berkenaan bukan hanya untuk memberikan penjelasan berhubung rombakan exco pergerakan itu baru-baru ini tetapi akan turut membincangkan beberapa agenda lain.

Mesyuarat yang akan diadakan minggu depan itu merupakan perjumpaan pertama jawatankuasa Pergerakan Wanita Umno setelah Siti Zaharah mengumumkan rombakan exconya Isnin lepas.

Rombakan exco itu antara lain membabitkan pengguguran Ketua Wanita Wilayah Persekutuan Azizah Samad dan Ketua Wanita Pulau Pinang Sharifah Aminah Syed Mohamed.

Bagaimanapun Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada Rabu lepas mengumumkan pembatalan rombakan itu.

Ahad lalu Siti Zaharah menganggap isu rombakan exco itu telah selesai dan berhasrat memanggil mesyuarat khas untuk mengagihkan kerja seperti yang disarankan Dr Mahathir.

Khalil berkata mesyuarat itu juga akan membincangkan peranan dan sumbangan wanita dalam membantu jentera parti dan Barisan Nasional sebagai persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum.

"Peranan wanita kita anggap penting kerana wanita bukan sahaja aktif tetapi mempunyai bilangan pengundi yang besar dan menjadi keutamaan juga bagi memastikan penglibatan wanita secara keseluruhan," katanya.

Beliau bagaimanapun percaya tidak berlaku perpecahan dalam pergerakan itu ketika ini seperti kenyataan beberapa pihak.

"Saya percaya bila lama tidak jumpa masing-masing akan beri kenyataan manakala satu belah pihak lagi akan balas. Kalau sudah jumpa saya rasa semua benda-benda yang kita anggap penting dapat kita selesaikan dan dengan semangat mesyuarah seperti itu, kini barisan wanita akan berada pada tahap lebih kental lagi, katanya.

-- BERNAMA

RZS LAT